

PERSIDANGAN SIDANG MUDA 2024

Pemberitahuan Usul

DEWAN INI MENCADANGKAN AGAR GENERASI BELIA PEWARIS NEGERI DIPERKASAKAN MELALUI PROGRAM GENERASI PENANG 2030 (GEN P30)

Terima kasih Tuan Speaker dan Sidang Dewan sekalian. Generasi Pulau Pinang 2030 Pemangkin Kejayaan Visi Penang2030. Selaku pembentang usul pada hari ini, saya akan menguraikan empat perkara utama berkaitan isu berkenaan bagi memastikan sidang dewan sekalian memperoleh ilmu dan memahami idea atau konsep sebenar pelaksanaan usul ini.

Tuan Speaker dan Sidang Dewan,

Generasi belia pada hari ini haruslah dianggap sebagai aset penting dalam sesebuah negara termasuk Pulau Pinang kerana kita harus sadar dan akui bahawa merekaalah pelapis masa hadapan negara. Jadi setiap daripada kita harus memainkan peranan dalam memastikan mereka ini mempunyai nilai tambah yang tersendiri demi manfaat bersama. Untuk makluman, Program Generasi Penang 2030 ini akan dilancarkan melalui pembentukan Dasar Belia Pulau Pinang sebagai panduan kepada pihak Kerajaan Negeri mahupun persekutuan untuk membuat perancangan secara menyeluruh kepada anak muda Pulau Pinang daripada pelbagai aspek.

PEMERKASAAN KEPIMPINAN BELIA MELALUI PEMENTORAN

P U L A U P I N A N G

Kepimpinan belia adalah elemen yang diperlukan bagi meneruskan agenda pembangunan Negara. Kewujudan kepimpinan belia dapat membentuk sebuah kumpulan pelapis yang mampu mencorakkan landskap sosio ekonomi dan politik. Penglibatan bakat kepemimpinan belia baru perlu digilap melalui latihan profesional dan pendedahan yang meluas, termasuk pembangunan kepemimpinan belia melalui pementoran.

Nilai kepimpinan ini bukan sahaja perlu difokuskan kepada golongan belia yang berada diluar bahkan harus kita ingat bahawa permulaan umur bagi kategori belia ialah bermula 15 tahun iaitu pelajar Tingkatan 3 di sekolah. Pihak kerajaan tidak boleh memandang enteng terhadap pelajar-pelajar ini kerana untuk menjadi seorang pemimpin yang hebat bukan mengambil masa sehari atau dua hari, tetapi, bertahun-tahun lamanya dalam proses belajar daripada pengalaman. Oleh itu, adalah lebih baik melentur buluh biarlah dari rebungnya agar kita mampu melahirkan pemimpin yang berkualiti dimasa hadapan.

Oleh hal demikian, sidang dewan sekalian, saya ingin mencadangkan dua perkara yang perlu dimasukkan ke dalam Dasar Belia Pulau Pinang iaitu :

Penglibatan secara terus antara Kerajaan Negeri bersama pihak sekolah melalui pelaksanaan “Sekolah Angkat” dan menjalankan modul-modul kepimpinan secara berkala bersama pemimpin-pemimpin pelajar di sekolah tersebut.

Pelaksanaan “Permukiman Belia Pulau Pinang” yang melibatkan kesemua persatuan belia dan juga pemimpin-pemimpin pelajar daripada sekolah sekitar Pulau Pinang bagi pemerkasaan nilai kepimpinan dalam diri mereka

Ini bagi membantu belia mempersiapkan diri untuk berdepan dengan rencam dan realiti kehidupan masyarakat. Apabila mereka sudah capai tahap matang dari segi pembentukan minda dan karakter di sekolah, mereka akan dapat menembusi masyarakat dengan karakter kepemimpinan itu.

PERTUMBUHAN BELIA YANG BERKUALITI DAN BERDAYA SAING

Tuan Speaker dan Sidang Dewan,

Seperti yang kita sedia maklum melalui Akta 668, had umur belia bakal diturunkan kepada 15 hingga 30 tahun menjelang tahun 2026. Perkara ini bukanlah satu perkara yang mudah dalam memastikan anak-anak muda yang ada di Pulau Pinang ini mempunyai sifat rasional dalam berfikir, berani hadapi cabaran dan juga mempunyai nilai kepimpinan yang utuh dalam diri.

Anak muda sinonim dengan sentimen segelintir masyarakat yang berpendapat, usia adalah penghalang kepada seseorang belia untuk menjadi ketua. Kumpulan ini terperangkap dalam pemikiran bahawa orang yang berusia lebih berpengalaman dan matang untuk memimpin. Maka, penurunan had umur belia ini sebenarnya secara tidak langsung memaksa anak muda kita untuk jadi matang lebih cepat.

Antara solusi yang ingin saya cadangkan bagi perkara ini ialah :

1. Pelaksanaan program pengkaderan secara tahunan kepada belia dan anak muda sebagai panduan kepada mereka untuk menjadi seorang pemimpin hebat.

ASPEK KESIHATAN FIZIKAL DAN MENTAL BELIA

Belia pada hari ini mudah terpengaruh dengan budaya luar dan kegiatan yang tidak baik seperti merokok, vape dan sebagainya namun perkara ini seringkali dipandang remeh oleh masyarakat setempat. Tahukah anda kajian mendapati setiap seorang dari tiga pelajar lelaki sekolah menengah melaporkan pernah merokok sekurang-kurangnya sekali seumur hidup? Kajian terkini berhubung status kesihatan rakyat Malaysia menerusi National Health and Morbidity Survey 2015 telah memberi gambaran terhadap keseriusan isu budaya merokok di kalangan remaja Malaysia khususnya Pulau Pinang. Fakta yang kurang mendapat perhatian serius ini harus diberikan fokus yang selayaknya agar kita dapat melihat isu ini dari perspektif yang menyeluruh.

Oleh itu, inisiatif yang saya bawa kepada sidang dewan pada hari ini ialah :

P U L A U P I N A N G

Pelaksanaan “Kempen Zero Asap” yang melibatkan golongan belia di Pulau Pinang, pelajar-pelajar Menengah Atas di Sekolah dan pelajar IPT sekitar Pulau Pinang.

Cabaran 100 hari tanpa rokok kepada golongan belia sebagai permulaan untuk mereka meninggalkan tabiat tersebut.

Secara keseluruhannya, saya yakin dengan pelaksanaan Dasar Belia Pulau Pinang di bawah Program Generasi Penang2030 ini mampu melahirkan belia yang berkualiti dan berintegriti dalam memimpin negara pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih.

Mohamad Nazri Bin Abdul Latiff

N17 Bukit Tengah

Sidang Muda 2024

